

Hubungan peribadi percepat pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan hubungan persahabatan peribadi antara beliau dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah akan membantu mempercepat kemajuan dalam pelbagai program pembangunan bersama yang dirancang kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, walaupun hubungan Malaysia-Brunei sangat baik sejak dahulu tetapi persahabatan peribadi yang erat itu kini menjadikan hubungan antara kedua-dua negara berada pada tahap tertinggi.

Katanya, ini dapat dilihat dengan termeterainya memorandum persefahaman antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) buat pertama kali walaupun sudah puluhan tahun BIA berhasrat melebarkan pelaburan ke Malaysia.

“Sepanjang saya dalam kesuahan, Tuanku Sultan sentiasa mengambil berat. Tuanku tidak pernah tinggalkan sahabat. Ini rakyat tidak tahu,” katanya dalam sidang akhbar pada hari terakhir lawatan rasmi beliau ke Brunei, semalam.

Terdahulu, Anwar dan isteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan delegasi lawatannya menghadap Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman.

Anwar berkata, Sultan Brunei turut mengulangi hasrat supaya semua kerjasama dan rundingan termasuk isu sem-



ANWAR Ibrahim bersalam dengan Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

padan yang sudah berlarutan sejak sekian lama dipercepatkan.

Sebab itu, katanya, beliau mahu melihat banyak perkara dapat diselesaikan atau sekurang-kurangnya menunjukkan kemajuan yang lebih pesat apabila Rundingan Pemimpin Tahunan (ALC) yang dihoskan Malaysia diadakan pada tahun ini.

Katanya, selain isu semipadan, kedua-dua negara juga mahukan pelaburan dan perniagaan yang penting kepada

rakyat ditingkatkan, segerakan isu berkaitan carigali minyak membabitkan Petronas dan jika perlu membabitkan pihak berkuasa Thailand dan Vietnam menerusi pihak berkuasa pembangunan bersama.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Brunei juga harus merebut peluang daripada pembangunan ibu kota Indonesia yang baharu, Nusantara, memudahkan pergerakan lalu lintas termasuk untuk pelancongan di antara ketiga-tiga negara dan inisiatif kerajaan

Sarawak meneruskan projek jalan sehingga ke Brunei.

“Sabah dan Sarawak pula membangkitkan soal menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai hab penerbangan antarabangsa bagi rantau ini dan sedia menambah penerbangan domestik untuk menjayakan usaha tersebut,” katanya.

Bagaimanapun, Anwar menegaskan, tidak ada gunanya mempunyai niat dan rancangan yang baik jika pelaksanaannya tidak dipantau dengan rapi.